

27/10/2001

Isu Afghanistan, belanjawan tumpuan akhbar Cina, India

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

KEBANYAKAN kolum analisis dan editorial akhbar berbahasa Cina masih mengulas serangan balas Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Editorial Sin Chew Jit Poh Khamis lalu berpendapat Amerika Syarikat dijangka menghadapi krisis baru apabila umat Islam menyambut Ramadan.

Kata akhbar itu, Amerika harus menghabiskan serangan itu dalam masa singkat kerana dunia Islam tidak dapat bersabar lama lagi.

Ini kerana pada bulan puasa, umat Islam akan mengamalkan tradisi semangat Ramadan dengan mengelak melakukan kesalahan dan memberi bantuan kepada golongan tidak bernasib baik.

Bagaimanapun, menurut akhbar itu, jika Amerika Syarikat menghentikan perang selama sebulan, mereka terpaksa menghadapi mentaliti dan emosi rakyatnya sendiri yang akan menyambut Hari Krismas dan Afghanistan akan menghadapi musim sejuk, ia adalah tidak baik buat Amerika sendiri.

China Press dalam editorialnya Rabu lalu pula berpendapat adalah perlu untuk Malaysia menubuhkan Majlis Keselamatan Negara yang berfungsi menyelaras, memantau dan menyiasat serta menyebarkan maklumat kepada pihak luar.

Penubuhan majlis itu penting kerana keadaan di seluruh dunia yang sentiasa berubah dan memerlukan badan baru untuk menangani tugas baru.

Sementara itu, Editorial Sin Chew Jit Poh Isnin lalu berpendapat untuk menyelesaikan krisis Timur Tengah, Amerika perlu mengenakan tekanan terhadap Israel.

Katanya, tidak boleh wujud ketidakadilan terhadap rakyat Palestin untuk mengelakkan timbul pergolakan di Timur Tengah. Sementara itu, isu berkaitan Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu menjadi berita utama Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Nanban melaporkan mengenai kekecewaan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana cukai atau duti import bagi minuman beralkohol tidak dinaikkan dalam belanjawan kali ini.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berpendapat keputusan itu akan menggalakkan pembuatan serta amalan meminum minuman keras, terutama yang diproses syarikat tempatan di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Tindakan itu bercanggah dengan matlamat kerajaan untuk menghapuskan gejala kurang sihat di kalangan masyarakat dan berpendapat kenaikan 10 peratus bagi barangan tembakau seharusnya juga dikenakan terhadap minuman keras.

Ini kerana rokok dan minuman keras bukan satu keperluan, sebaliknya boleh dianggap sebagai barangan mewah dan perolehan daripada kenaikan itu wajar dijadikan ganti kepada kenaikan harga minyak yang dibantah pelbagai pihak.

Bagaimanapun, CAP mengalu-alukan peningkatan cukai bagi rokok kerana amat berkesan bagi membanteras penularan gejala itu di kalangan remaja, khususnya pelajar sekolah.

Nesan pula melaporkan mengenai usaha kerajaan menangani penipuan menerusi skim cepat kaya yang nampaknya belum lagi berhasil kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna masih dibanjiri aduan.

Timbalan Menteri, Datuk S Subramanian, menegur mangsa kerana membenarkan diri mereka diperdaya golongan tidak bertanggungjawab itu walaupun berulang kali diingatkan kerajaan menerusi iklan televisyen dan

radio.

Tambah beliau, seperti yang dilaporkan Nesan, sikap tamak mereka yang tertipu itu turut menjadi faktor utama kegiatan berkenaan masih berleluasa.

Nesan juga melaporkan mengenai masalah petani di Cameron Highlands yang tidak dapat memasarkan hasil ke luar negara akibat pembatalan beberapa penerbangan berikutan tragedi serangan di Amerika 11 September lalu.

Pembatalan beberapa penerbangan utama itu menyukarkan pengeksport tempatan kerana terpaksa menanggung kos operasi lebih tinggi yang kemudiannya disalurkan kepada petani berkenaan.

(END)